



## HOSPITAL SARIKEI SARAWAK



Penjagaan kesihatan adalah satu proses dua hala antara anda sebagai pesakit dan pasukan kesihatan yang merawat anda. Kami mahu anda menganggap diri anda sebagai rakan kongsi dalam proses rawatan anda. Kami ingin menggalakkan anda sebagai seorang pesakit di Hospital Sarikei untuk berkomunikasi secara terbuka dengan kami, terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam proses rawatan anda. Anda juga akan dimaklumkan mengenai hak-hak serta tanggungjawab anda semasa tinggal di hospital kami.

### HAK ANDA

1. Hak anda untuk diberikan rawatan dengan bertimbang rasa, dihormati, belas kasihan tanpa mengira umur, jantina, bangsa, negara asal, orientasi seksual ataupun keadaan fizikal.
2. Hak anda untuk menerima penjagaan dalam persekitaran yang selamat bebas dari segala bentuk pengabaian penderaan atau gangguan.
3. Hak anda untuk dipanggil dengan nama yang betul dan juga untuk diberitahu nama-nama doktor, jururawat dan lain-lain ahli pasukan kesihatan yang terlibat dalam proses rawatan anda.
4. Hak anda untuk memberi keizinan secara bertulis sebelum sebarang prosedur atau pembedahan bukan kecemasan seperti yang diperuntukkan dalam Section 47, *Private Healthcare Facilities And Services Act And Regulations* (PHFSA). Kecuali bagi kes-kes kecemasan dan keadaan yang mengancam nyawa, Seksyen 47 PHFSA boleh diketepikan jika seseorang doktor berpendapat bahawa sebarang kelewatan untuk mendapatkan keizinan itu akan membahayakan nyawa pesakit seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 48, PHFSA. Kecuali bagi kes-kes kecemasan dan keadaan mengancam nyawa, Seksyen 47 PHFSA boleh diketepikan jika seorang doktor percaya bahawa apa-apa kelewatan yang disebabkan dalam mendapatkan persetujuan itu akan membahayakan nyawa pesakit seperti yang disebutkan dalam Seksyen 48, PHFSA.
5. Hak anda untuk mendapat penilaian tentang tahap kesakitan anda dan terlibat dalam pengurusan kesakitan anda.
6. Hak anda untuk bebas daripada sekatan atau pengasingan sekiranya tidak diperlukan dari aspek perubatan.
7. Anda boleh mengharapkan privasi dan kerahsiaan dalam perbincangan, penjagaan, pemeriksaan dan rawatan anda adalah dijaga. Anda boleh meminta pengiring (chaperone) semasa mana-mana pemeriksaan.
8. Anda mempunyai hak untuk diberi perkhidmatan perlindungan dan sokongan dalam kes penderaan atau pengabaian.
9. Anda mempunyai hak untuk mengambil bahagian dalam membuat keputusan tentang penjagaan anda, rawatan dan perkhidmatan yang disediakan untuk anda termasuk hak untuk menolak rawatan setakat yang dibenarkan oleh undang-undang. Jika anda menolak apa-apa bentuk rawatan atau meninggalkan hospital tanpa kebenaran doktor anda, pihak hospital tidak akan bertanggungjawab atas sebarang implikasi yang berlaku.
10. Anda mempunyai hak untuk bersetuju atau menolak untuk mengambil bahagian dalam kajian penyelidikan perubatan atau temu bual. Pada bila-bila masa, anda boleh menarik diri daripada kajian tersbut.
11. Anda mempunyai hak untuk berkomunikasi dalam mana-mana bahasa yang anda faham. Kami akan menyediakan seorang jurubahasa sekiranya diperlukan.
12. Anda mempunyai hak untuk menyediakan wasiat perubatan (advance directive) terlebih dahulu atau melantik seseorang untuk membuat keputusan penjagaan kesihatan untuk anda jika anda tidak berupaya.
13. Anda mempunyai hak untuk penjagaan yang berperikemanusiaan, dihormati, belas kasihan serta rasa prihatin sehingga akhir hayat merangkumi simpton primer dan sekunder, keperluan psikologi, social, emosi dan keagamaan.

14. Anda mempunyai hak untuk melibatkan diri dalam perjanjian discaj anda. Anda akan dimaklumkan tentang discaj atau pemindahan ke fasiliti rawatan yang lain. Anda akan diberitahu mengenai penjagaan susulan yang diperlukan sebelum discaj.
15. Anda mempunyai hak untuk diberitahu berkeraan dengan caj rawatan hospital anda.
16. Anda berhak menerima informasi kesihatan, peraturan dan polisi fasiliti serta maklumat berkaitan dengan penambahbaikan kualiti perkhidmatan fasiliti.
17. Anda diberi jaminan bahawa semua rekod-rekod mengenai rawatan dan perubatan anda adalah sulit, melainkan jika pendedahan itu dibenarkan oleh undang-undang.
18. Anda mempunyai hak untuk mendapatkan salinan laporan perubatan anda dalam jangka masa yang munasabah dan yang telah ditetapkan selepas membuat pemohonan dan menjelaskan bayaran mengikut Akta Fee Perubatan melalui Unit Rekod Perubatan.
19. Anda mempunyai hak untuk akses kepada perkhidmatan rohani atau keagamaan.
20. Anda mempunyai hak untuk menyuarakan kebimbangan anda tentang penjagaan yang anda terima. Jika anda mempunyai masalah atau aduan, kami menggalakkan anda untuk membincangkan masalah tersebut dengan doktor, jururawat atau ketua jabatan berkeraan. Anda boleh menyampaikan kebimbangan anda secara lisan atau bertulis.

**Jika masalah anda tidak diselesaikan seperti apa yang anda inginkan, anda juga boleh menghubungi jawatankuasa aduan kami dengan menghantar aduan anda melalui peti cadangan kami atau hubungi:-**

Pengarah Hospital,  
Hospital Sarikei,  
Jalan Rentap,  
96100 Sarikei, Sarawak.  
Tel: 084-653333 Fax: 084-653409

## TANGGUNGJAWAB ANDA

1. Anda dikehendaki untuk memberikan maklumat yang lengkap dan tepat, termasuk nama penuh, dokumen pengenalan, alamat, nombor telefon, tarikh lahir, nama majikan, apabila ianya diperlukan. Adalah menjadi tanggungjawab anda untuk memaklumkan kepada pihak hospital sekiranya maklumat seperti diatas telah berubah atau dikemaskini.
2. Anda dikehendaki untuk memakai ID hospital anda sepanjang tempoh anda di wad. Sekiranya terdapat maklumat yang tidak betul, sila berikan maklumat terkini yang betul kepada staff wad. Tag yang baru dengan maklumat yang betul akan disediakan.
3. Anda harus memberi salinan wasiat perubatan (*advance directive*) kepada pihak hospital sekiranya ada
4. Anda dikehendaki memberikan maklumat yang lengkap dan tepat mengenai kesihatan dan sejarah perubatan anda, termasuk keadaan sekarang, penyakit masa lalu, kemasukan ke hospital, ubat, vitamin, produk herba yang diambil dan apa-apa perkara lain yang berkaitan dengan kesihatan anda.
5. Anda dikehendaki memaklumkan kepada pihak hospital berkeraan dengan pengambilan ubatan di rumah termasuk ubatan alternatif yang anda bawa dari rumah.
6. Anda perlu mengemukakan soalan apabila anda tidak memahami maklumat atau arahan yang diberikan. Jika anda tidak dapat mengikuti pelan rawatan, anda bertanggungjawab untuk memberitahu doktor.
7. Anda bertanggungjawab ke atas implikasi perubatan jika tidak mengikuti pelan penjagaan, rawatan dan perkhidmatan yang disediakan.
8. Anda perlu terlibat dengan aktif dalam pengurusan kesakitan anda dan memberitahu doktor dan jururawat anda tentang keberkesanan rawatan yang diberikan.
9. Sila tinggalkan barang berharga di rumah dan hanya membawa barang-barang yang diperlukan semasa rawatan di hospital.
10. Sebagai seorang pesakit, anda mempunyai tanggungjawab untuk melayan kakitangan hospital dengan penuh rasa hormat. Anda boleh didakwa sekiranya anda melanggar peraturan dan menyebabkan gangguan di premis hospital.
11. Anda dikehendaki untuk melayan pesakit lain dan pelawat dengan ihsan dan hormat; mematuhi semua peraturan hospital dan peraturan keselamatan; tidak menyalahgunakan kemudahan hospital dan prihatin terhadap tahap bunyi, privasi dan bilangan pelawat.
12. Anda dikehendaki memberikan maklumat yang lengkap dan tepat mengenai perlindungan insurans kesihatan anda dan membayar bil anda tepat pada masanya.
13. Anda dikehendaki untuk menghadiri temu janji tepat pada masa yang dijadualkan atau menghubungi hospital / klinik jika anda perlu membatalkan atau menangguhkan temujanji.
14. Anda juga dikehendaki untuk mematuhi undang-undang tempatan, negeri dan persekutuan.

